

# Tiada GST, hanya kukuhkan lagi SST

Oleh **FADZIL ZAINOL**  
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 8 OKT.**

**K**ERAJAAN tidak mempunyai sebab untuk kembali melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan (GST), sebaliknya akan mengukuhkan lagi pelaksanaan sistem cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yakin apabila pelaksanaan SST diurus dengan baik, pulangan cukai lebih tinggi mampu diperoleh.

Beliau berkata, perubahan sistem percukaian tidak wajar dibuat terlalu kerap kerana ia akan mengurangkan keyakinan

pelabur dan memberi imej yang kurang baik.

"Ketika GST ini diperkenalkan dahulu dan kita dengar banyak rintihan daripada rakyat kerana kerap kali mereka membayar cukai dua kali. Sebab itulah kita berpendapat bahawa kita perlu kembalikan SST.


"Cukai ini (SST) sedang berjalan dengan baik. Kita perlu memperbaiki lagi pelaksanaan cukai yang baharu ini. Sebab itu kita tidak ada sebab untuk kita kembali kepada cukai yang ditolak oleh rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan daripada **Ma'mun Sulaiman (Warisan-Kalabakan)** yang minta penjelasan mengenai cadangan sedia mengkaji semula untuk melak-

sanakan GST dalam sesi soal jawab sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen di sini, hari ini.

Pada awal bulan ini, Dr. Mahathir dilaporkan berkata, kerajaan sedia mengkaji semula pelaksanaan GST sekiranya itu kehendak rakyat sehingga menimbulkan pelbagai reaksi mendakwa kerajaan mahu melaksanakan cukai itu semula selepas lebih setahun memansuhkannya.

GST mula dilaksanakan pada 1 April 2015 oleh kerajaan Barisan Nasional (BN), namun dimansuhkan oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH) selepas menang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dengan mengembalikan semula SST.



**DR. MAHATHIR MOHAMAD** menjawab soalan dalam persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN